



**PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)**

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA
TADBIR KERAJAAN
(*PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU*)**

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

YB V.SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR**

23 MAC 2017 (KHAMIS)

**USUL
PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU
KAMAR KHAS
DEWAN RAKYAT M1P5PAR13**

TARIKH	23 Mac 2017
AHLI YANG BERUCAP	YB V.SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB	YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
TAJUK UCAPAN	MASALAH BANJIR KILAT DI KG BARU NALLA, TRONOH

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini telah berlaku satu banjir kilat di Kampung Baru Nalla, Tronoh. Puncanya adalah daripada Sungai Selinsing yang telah melimpah akibat hujan lebat.

Saya telah melawat kawasan itu ketika banjir dan mendapati bahawa air dari Sungai Selinsing itu telah melimpah di kawasan jalan besar yang memasuki kampung baru tersebut.

Ini adalah disebabkan oleh Kelubong yang terdapat di bawah jalan besar itu terlalu kecil atau 'bottle neck' menyebabkan tidak dapat menampung kuantiti air yang besar yang mengalir melalui Sungai Selinsing.

Saya mendapati bahawa masalah ini hanya boleh diselesaikan jika satu jambatan dibina di jalan besar yang memasuki Kampung Baru Nalla, Tronoh merentasi Sungai Selinsing.

Masalah banjir ini telah dibawa kepada pengetahuan pihak JPS Negeri Perak sejak beberapa tahun lalu. Tetapi pihak JPS hanya mengambil tindakan membersihkan dan melebarkan sungai sahaja. Alasannya tidak ada peruntukan untuk membina jambatan yang boleh menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin tahu samada kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk menaiktaraf jalan besar yang memasuki Kampung Baru Nalla terutamanya membina sebuah jambatan mengatasi masalah banjir di kawasan itu.

Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan. Penduduk Kampung Baru Nalla mengharapkan supaya masalah ini diselesaikan dengan segera. Banjir kilat menghalang segala aktiviti ekonomi yang mereka jalankan di kawasan itu. Beberapa rumah yang berhampiran dengan sungai itu juga telah dimasuki air. Akibatnya mereka telah mengalami kerugian dan kehilangan banyak harta benda.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil maklum berkenaan banjir kilat yang berlaku di Kg. Nalla, Tronoh pada 24 Januari 2017. Punca-punca berlakunya kejadian banjir kilat tersebut adalah disebabkan oleh:

1. Hujan yang lebat melebihi 77.5 mm dengan ketinggian 0.6 meter;
2. Keadaan sungai yang cetek;
3. Keadaan pemetung sedia ada yang kecil; dan
4. Berlaku pecahan ban lombong di hilir yang menyebabkan aliran sungai menjadi lambat.

Walau bagaimanapun, tiada pemindahan yang dilakukan kerana tiada kawasan penempatan yang terlibat dengan banjir. Kawasan yang banjir hanya tertumpu di jalan masuk dari Pekan Tronoh ke kampung tersebut. Panjang lokasi jalan yang ditenggelami adalah sekitar 40 meter sahaja dengan kedalaman air maksimum 0.8 meter.

Susulan kejadian banjir kilat tersebut, sebagai langkah segera, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mendalamkan dan membersihkan Sg. Selinsing sepanjang sekitar 7 km. Pelaksanaan kerja-kerja ini dijangka dapat mengurangkan risiko kejadian banjir kilat.

Bagi langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini, antara penyelesaian yang dicadangkan adalah seperti berikut;

1. Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan mendalamkan sungai secara berkala oleh JPS Perak untuk memastikan kedalaman sungai dapat dikekalkan;

2. Kerjasama di antara Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk sentiasa memantau dan mengkaji semula permit melombong pasir yang telah diluluskan; dan
3. JPS Perak mengkaji dan membuat semakan cadangan pembinaan jambatan untuk menggantikan pemetung sediada supaya air sungai boleh mengalir dengan lancar.

Sekian, terima kasih.